



## MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

### TEKS UCAPAN

**YBHG. DATO' AZHAR BIN HAJI ARSHAD  
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

### SEMPENA

MAJLIS PERASMIAN *POP-UP PARK* MAJLIS  
BANDARAYA SEBERANG PERAI (MBSP) SEMPENA  
PAMERAN *LUNA LIGHTS WONDERLAND 2023* SERTA  
PENGIKTIRAFAN *MALAYSIA BOOK OF RECORDS*  
(MBR) BAGI PAMERAN LAMPU TERBANYAK DI  
MALAYSIA

TARIKH / MASA / TEMPAT  
**14 NOVEMBER 2023 (SELASA)**  
**8.40 MALAM**

**TAMAN REKREASI VISION PARK  
KEPALA BATAS  
SEBERANG PERAI UTARA**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh,

Selamat Malam dan Salam Sejahtera,

1. Alhamdulillah, saya memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan rahmat dan keizinanNya jua, diberikan kesempatan untuk kita bersama-sama dalam **Program Perasmian Pop-Up Park Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) Sempena Pameran Luna Lights Wonderland 2023 serta Pengiktirafan Malaysia Book of Records bagi Pameran Lampu Terbanyak di Malaysia bertempat di Vision Park, Kepala Batas, Seberang Perai Utara (Fasa 1)** pada malam yang nyaman ini.
  
2. Di kesempatan ini, saya, bagi pihak Majlis Bandaraya Seberang Perai, ingin menjunjung kasih Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama Ahmad Fuzi bin Haji Abdul Razak, Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan Dato' Seri Utama Khadijah binti Mohd Nor di atas kesudian menghadiri serta menyempurnakan **Program Perasmian Pop-Up Park MBSP Sempena Luna Lights Wonderland 2023 serta Pengiktirafan Malaysia Book of Records (MBR) bagi Pameran Lampu Terbanyak di Malaysia.** Saya rasa amat terharu dan ingin

merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas kesudian Tuan Yang Terutama Tun dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan Dato' Seri Utama untuk hadir bersama-sama pada malam yang bersejarah ini.

3. Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Wong Hon Hai, Exco Pelancongan dan Ekonomi Kreatif; kesemua Dif-Dif Kehormat; Ahli-Ahli Majlis MBSP; Pegawai-Pegawai Kanan dan Wakil-Wakil Jabatan; Agensi Kerajaan serta Swasta; Rakan Strategik, *Red Bear Event*, warga kerja MBSP; para pengunjung *Vision Park*; rakan-rakan media; dan para hadirin sekalian yang sudi melapangkan masa untuk memeriahkan suasana serta menjayakan Program pada malam ini.
4. Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) amat komited untuk menjadi bandaraya yang seiring dengan Penang 2030 “*A Family – Focused Green and Smart State That Inspires the Nation*”. MBSP hendak membawa perubahan kepada semua rakyat Seberang Perai dengan menjadi sebuah bandaraya berteraskan pembangunan rendah karbon, sebuah bandaraya berdaya tahan, bandaraya yang inklusif, saksama dan pembangunan berpaksikan rakyat serta Seberang Perai komited untuk menjadi sebuah bandaraya yang kompetitif dan pintar. Oleh itu, program-program yang diselitkan

juga mempunyai nafas baru seperti program pada hari ini yang berorientasikan keluarga (*family oriented programme*) serta menggunakan teknologi pencahayaan lampu LED yang lebih mesra alam serta tidak melepaskan gas karbon dioksida.

5. *Vision Park* merupakan sebuah taman rekreasi seluas 126 ekar yang terletak bersebelahan dengan Masjid Abdullah Fahim di kawasan perumahan Bertam Perdana 2 dan 3. Taman ini dibangunkan oleh Bertam Properties Sdn. Bhd. sebagai sebahagian daripada program tanggungjawab sosial korporatnya. Taman ini terbahagi kepada dua komponen utama iaitu kawasan tasik atau kolam tadahan membabitkan kawasan seluas 61 ekar dan kawasan tanah lapang seluas 65 ekar di bawah selenggaraan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP). Taman ini merupakan taman rekreasi terbesar di wilayah utara tanahair.
6. Bagi mendokong usaha dalam merancakkan sektor pelancongan di Seberang Perai, MBSP telah mengambil langkah proaktif untuk bekerjasama dengan *Red Bear Event*, yang merupakan sebuah syarikat yang berpengalaman dalam pengurusan dan pelaksanaan pameran berkenaan, bagi menganjurkan *Luna Light Wonderland 2023* di *Vision Park*, Kepala Batas. Penganjuran pameran cahaya lampu

di *Vision Park* ini bermula 27 Oktober 2023 sehingga 26 November 2023.

7. *Luna Light Wonderland 2023* adalah merupakan *showcase lampu hiasan* yang bertemakan *Animal Kingdom, Vision Ocean, Aquatic, Romance, LUNA Aerospace, Mystery Forest, Aurora Lights* dan *Main Mascot Luna* yang merangkumi penggunaan sebanyak 1.4 juta *lightbulbs* dari jenis LED yang dipasang di keseluruhan kawasan lapang / hijau (fasa 1) Taman Rekreasi Vision Park, Seberang Perai Utara yang berkeluasan 24 ekar. *Luna Lights Wonderland* ini beroperasi bermula pada jam 7.00 malam sehingga 12.00 tengah malam.
8. Sebagai rekod, *Red Bear Event* pernah bekerjasama dengan MBSP untuk menganjurkan pameran *Luna Light 2020* di *Upcycle Park*, Bandar Perda pada 7 hingga 23 Februari 2020 di mana jumlah pengunjung telah mencumlah seramai 20,000 orang sepanjang tempoh tersebut.
9. Malam ini kita akan menyaksikan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) mendapat pengiktirafan dan disenaraikan dalam *The*

*Malaysia Book of Records* atas pencapaian dan kejayaan pemasangan dan pameran 1,400,000 lampu *bulb LED* dalam pameran lampu cahaya (*Most LED Lightbulbs in Lightning Event*) di *Vision Park*.

“Syabas dan Tahniah” diucapkan kepada Jabatan Landskap MBSP dan pasukan *Red Bear Event* yang telah bertungkus lumus dan berjaya menganjurkan program Pameran *Luna Light Wonderland* dan seterusnya mendapat pengiktirafan dalam *The Malaysia Book of Records*.

10. MBSP juga mengambil pendekatan dan inisiatif dengan menyediakan satu *pop-up park* yang akan disempurnakan oleh Tuan Yang Terutama Tun Dato’ Seri Utama Ahmad Fuzi Bin Haji Abdul Razak, Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang pada malam ini.
11. *Pop-up Park* atau juga *Pop-up Forest* mewujudkan pengalaman "hutan" yang unik di *Vision Park* seiring dengan rancangan MBSP untuk menanam lebih banyak pokok di kawasan lapang seluruh Seberang Perai untuk mewujudkan lebih banyak taman hutan yang akan memberi manfaat kepada masyarakat setempat.

12. Program *Pop-up Park* ini merupakan usaha MBSP untuk memperbanyakkan lagi *Pop-up Park* di sekitar bandar-bandar dalam Seberang Perai. Inisiatif ini adalah untuk menunjukkan kepentingan pokok dalam kawasan awam bandar dan kejiranan kita. Pelbagai kajian telah menunjukkan pokok atau kawasan hijau memberikan banyak faedah untuk komuniti khususnya di kawasan bandar seperti mengurangkan jenayah dan keganasan, meningkatkan kesihatan mental dan fizikal, dan meningkatkan prestasi alam sekitar.
13. Saya berharap agar para pengunjung tidak melepaskan peluang untuk menikmati pameran lampu berwarna-warni pada malam ini. Di samping menikmati keindahan pancaran cahaya di taman ini, saya memohon agar segala kemudahan infrastruktur yang disediakan di kawasan ini dijaga dengan baik oleh pengunjung dan penduduk setempat. Ingatlah tuan-tuan dan puan-puan, kemudahan ini adalah hak milik kita bersama. Sama-sama lah kita menjadi warga yang bertanggungjawab. Sayangi Seberang Perai dan peliharalah kemudahan-kemudahan yang telah disediakan.
14. Saya tidak berhasrat untuk berucap lebih panjang lagi. Saya memohon maaf khususnya kepada Tuan Yang Terutama Tun dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan Dato' Seri Utama, jika ada

ketelanjuran kata, salah bicara sepanjang ucapan ini. Menjunjung kasih di atas kesudian Tuan Yang Terutama Tun dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan Dato' Seri Utama yang sudi hadir pada malam ini. Saya mendoakan semoga Tuan Yang Terutama Tun, Yang Amat Berbahagia Toh Puan Dato' Seri Utama dan keluarga sentiasa berada dalam keadaan sihat dan terus memayungi Negeri Pulau Pinang.

15. Saya sekali lagi ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih dan penghargaan saya kepada Yang Berhormat Tuan Wong Hon Hai, kesemua Dif-Dif Kehormat, dan para hadirin sekalian. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan warga Seberang Perai yang dikasihi yang sentiasa menyokong dengan memberikan komitmen penuh dalam menjayakan program-program MBSP dan saya pasti dengan komitmen ini, “**Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan**” atau “**Seberang Perai Aspiring City of Tomorrow**” dapat direalisasikan.

**Sekian, terima kasih.**

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.***